

09/05/2001

11,376 Bumiputera layak tetapi gagal ke IPTA (HL)

Mohd Fuad Razali

GENTING HIGHLANDS, Selasa - Seramai 11,376 pelajar Bumiputera lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau setara, gagal melanjutkan pelajaran peringkat ijazah pertama di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tahun ini walaupun memenuhi syarat minimum.

Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Prof Dr Hassan Said, berkata ini kerana pengambilan calon Bumiputera yang berkelayakan melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah pertama di IPTA tahun ini sudah memenuhi kuota.

Sehubungan itu, katanya, laporan menyatakan ada 7,168 tempat bagi calon Bumiputera yang masih belum dipenuhi, tidak benar.

Malah, jumlah sebenar keseluruhan calon yang ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran peringkat ijazah pertama di IPTA tahun ini mencatatkan lebih 1,197 daripada 38,000 sasaran asal, kepada 39,197.

"Sebenarnya, 30,832 calon diumumkan baru-baru ini hanya membabitkan lepasan STPM dan setara, yang dipilih menerusi mesyuarat pemilihan bersama IPTA pada 24 hingga 28 April lalu.

"Jumlah itu belum merangkumi 2,604 lepasan Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang turut melanjutkan pelajaran pada peringkat ijazah pertama tahun ini serta 5,761 calon lepasan Matrikulasi Kementerian Pendidikan yang sudah memasuki IPTA lebih awal iaitu November lalu.

"Dengan mengambil kira bilangan ini, calon Bumiputera berkelayakan bagi program ijazah pertama di IPTA sudah memenuhi kuota. Oleh itu, isu kekurangan calon mengisi kuota Bumiputera tidak timbul," katanya.

Beliau membuat penjelasan itu kepada pemberita pada majlis perasmian Kolokium Pemajuan Akademik Pelajar Melayu di Institusi Pengajian Tinggi di sini hari ini.

Laporan akhbar The Star baru-baru ini mendakwa, kira-kira 7,168 tempat bagi calon Bumiputera tidak dipenuhi bagi kemasukan tahun ini.

Berdasarkan laporan itu, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan memberikan tempat itu kepada bukan Bumiputera yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini untuk memasuki IPTA.

Kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedia menghapuskan sistem kuota bagi kemasukan pelajar ke IPTA jika rakyat bersetuju dengan tindakan itu.

Menjelaskan lanjut kenyataannya itu kepada pemberita di Universiti Utara Malaysia di Sintok semalam, Perdana Menteri berkata, kerajaan bagaimanapun perlu membuat kajian teliti kerana setakat ini isu itu diperkatakan tanpa mengetahui jumlah sebenar.

Prof Hassan berkata, lepasan Matrikulasi Kementerian Pendidikan yang diambil ke IPTA November lalu adalah pelajar yang mengikuti program Matrikulasi pada Mei 1999 dan tamat pengajian September tahun lalu.

"Memandangkan tidak sempat memasuki IPTA Mei tahun lalu, mereka sepatutnya berbuat demikian tahun ini. Bagi mengelak menunggu terlalu lama, IPTA bersetuju mengambil mereka lebih awal iaitu November lalu.

"Bagaimanapun, pengambilan mereka sebenarnya menggunakan kuota kemasukan bagi Mei tahun ini," katanya.

Beliau turut menjelaskan kekeliruan orang ramai berhubung pengambilan pelajar mengikuti program ijazah pertama di IPTA.

Katanya, kelayakan masuk ke program ijazah pertama di IPTA adalah STPM

atau setara dengannya kecuali perogram ijazah pertama di Universiti Teknologi Malaysia, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn serta tiga program di Universiti Malaya, yang mengambil pelajar lepasan SPM.

"Program ijazah pertama untuk lepasan SPM dibuat hanya untuk program dan keperluan khusus iaitu menggalakkan pengeluaran lebih ramai profesional Bumiputera dalam bidang kejuruteraan bagi mengimbangi kekurangan Bumiputera dalam bidang itu," katanya.

Prof Hassan juga berkata, calon yang tidak terpilih memasuki IPTA boleh mengemukakan rayuan mulai sekarang hingga minggu kedua selepas semester pengajian bermula.

Bagaimanapun, pertimbangan yang akan dibuat oleh IPTA tertakluk kepada kekosongan tempat dan kelayakan calon.

Beliau menasihatkan lepasan STPM yang memenuhi syarat minimum tetapi tidak terpilih, memperbaiki keputusan bagi subjek tertentu bagi meningkatkan markah akademik masing-masing.

Mereka berpeluang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) kerana ada antaranya menawarkan program yang baik dan kompetitif.

"Peluang untuk melanjutkan pelajaran masih ada menerusi IPTS. Tambahan pula kita mempunyai tabung yang boleh membantu pelajar yang melanjutkan pelajaran di institusi itu.

"Jika mereka perlu bekerja terlebih dulu, mereka masih boleh melanjutkan pelajaran menerusi program pendidikan jarak jauh yang lebih fleksibel dari segi masa," katanya.

Sementara itu, Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia mahu kerajaan terus mempertahankan kuota kemasukan ke IPTA kerana ia masih relevan dan diperlukan supaya tidak berlaku jurang perbezaan antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera.

Setiausaha Agungnya, Khairul Arifin Mohd Munir, berkata bilangan pelajar bukan Bumiputera di institusi pendidikan tinggi lebih ramai kerana mereka menduduki 85 peratus daripada 200,000 tempat di 600 IPTS serta 45 peratus daripada 150,000 tempat di IPTA.

(END)